

# Usaha kumpul data untuk pewartaan TMP

D&T 08-09.10.12 3

KUDAT: Sepasukan ahli sains dan penyelidik memulakan ekspedisi tiga minggu di Taman Tun Mustapha (TMP) seluas 1.02 juta hektar untuk mengumpul data saintifik marin bagi tujuan pewartaan taman berkenaan.

Data itu amat berguna dalam proses perundingan dan keputusan akhir untuk mewartakan taman itu, kata Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Beliau berkata ini amat penting, antara lain untuk mengenal pasti sempadan yang bergantung kepada pemetaan sumber dan kepelbagaiannya tempat pembikanan yang sensitif.

"Taman marin ini mempunyai ekologi yang lebih pelbagai berbanding Great Barrier Reef, yang terkenal di Australia atau Caribbean, tetapi masih belum diwartakan meskipun pengwujudannya diumumkan sejak 2003 lagi.

"Ekspedisi ini juga penting memandangkan data marin saintifik agak kurang untuk menyokong pewartaan taman ini. Usaha ini akan turut menyegerakan pemuliharaan dan pembangunan lestari sumber marin mengambil tempat," kata Ongkili, yang melancarkan ekspedisi itu Khamis lepas di atas bot ekspedisi di Teluk Marudu.

Ekspedisi ini akan diketuai penyelidik dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) Muhammad Ali Syed Hussein selain peserta dari Universiti Malaya, Taman-taman Sabah, WWF Malaysia, Belanda dan Australia.

Ia disokong Direktorat Oseanografi Kebangsaan, Perikanan Sabah, Felcra Berhad serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan akan tamat pada 26 September.

Sebagai penandatangan Inisiatif Segitiga Terumbu Karang (CTI) mengenai Terumbu Karang, Perikanan dan Jaminan Makanan, Malaysia mewujudkan Pelan Tindakan Kebangsaan untuk melindungi bahagiannya dalam kawasan CTI. Taman Tun Mustapha ialah Kawasan Keutamaan Pemuliharaan CTI Malaysia.

Ongkili berkata ekspedisi akan menilai aspek kepelbagaiannya marin dan ekologi, selain faedah sosio-ekonomi ekosistem marin kepada penduduk setempat.

"Usaha untuk membangun dan mengurus Taman Tun Mustapha juga sejajar dengan program transformasi kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti di pinggir pantai sambil memastikan kelestariannya.

"Masyarakat seringkali dilihat sebagai sasaran pembangunan tetapi mereka sebenarnya juga adalah rakan dalam usaha pemuliharaan dan pengurusan sumber," katanya.

Kawasan TMP yang dicadangkan itu mempunyai lebih 50 pulau dan pulau kecil yang terletak di daerah Kudat, Pitas dan Kota Marudu di bahagian utara Sabah. Keunikan biokepelbagaiannya menampung beberapa siri habitat yang kompleks dan berhubung kait serta menjadi kediaman haiwan marin terancam, misalnya penyu agar dan dugong.

Kawasan itu turut dihuni produk perikanan ketiga terbanyak di Sabah merangkumi terumbu karang, teluk dan laut terbuka, serta menjadi sumber rezeki kepada 80,000 penduduk di pinggir pantai, selain mempunyai potensi besar dalam eko-pelancongan.

Pada Jumaat, Ongkili turut memperkenalkan sesi dialog mengenai pembiayaan lestari bagi pelaksanaan program dan aktiviti CTI bersama pelbagai rakan pembangunan.

Mereka terdiri daripada WWF Malaysia, US CTI Programme Integrator, Coral Triangle Support Partnership, Environment Australia dan Bank Pembangunan Asia.

Ongkili, yang juga Pengerusi Majlis Menteri-menteri CTI, berkata sesi dialog itu diharap dapat menjana sumber bagi pembiayaan lestari program yang diteraju CTI.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh, Mosti menerusi Dana Sains membiayai sejumlah 14 projek penyelidikan di kawasan Teluk Marudu dengan pembiayaan keseluruhan berjumlah RM3.56 juta.

Selain itu, Mosti turut membayar RM3 juta di bawah program Dana Tekno kepada sebuah syarikat tempatan untuk mengeluarkan timun laut (*Holothuria Scabra*) berkualiti tinggi. Projek itu yang bermula pada 2009 dijangka siap menjelang akhir 2012.

Beliau berkata Jawatankuasa Penyelaras Sabah bagi program dan aktiviti CTI yang diwujudkan tahun ini, mencadangkan tujuh projek komuniti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelaras CTI Kebangsaan dengan dana RM990,000 daripada Mosti.

Malaysia akan menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-menteri Kanan CTI kali kelapan dan Mesyuarat Menteri-menteri kali keempat pada November ini. — Bernama

